

Eat Well, Live Well.



# AGP

---

Ajinomoto Group Policies

Malay  
Bahasa Melayu

# KANDUNGAN

Mesej daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif .....	1
Apakah Ajinomoto Group Policies (AGP)? .....	2
Skop pelaksanaan .....	2
Tanggungjawab Korporat .....	2
Prinsip-prinsip Asas .....	3
<b>Asas Pentadbiran dan Amanah</b>	
1. Penubuhan dan Pelaksanaan Pentadbiran yang baik .....	3
<b>Misi Sosial Korporat dan Peruntukan Nilai</b>	
2. Pendekatan terhadap Hak Asasi Manusia .....	4
3. Inisiatif terhadap Kesihatan dan Pemakanan .....	5
4. Memberi Sumbangan kepada Alam Sekitar dan Kemampanan Global .....	6
<b>Tanggungjawab kepada pihak yang berkaitan</b>	
5. Pelanggan: Menyediakan dan Membekalkan Perkhidmatan dan Produk yang Selamat dan Berkualiti Tinggi .....	7
6. Rakan Perniagaan: Perniagaan yang Adil dan Telus .....	8
7. Pelabur dan Pemegang Amanah Saham: Amanah dan Tanggungjawab .....	10
8. Masyarakat Tempatan: Bekerja dengan Masyarakat .....	11
9. Ahli Politik dan Kerajaan: Hubungan yang Nyata .....	12
10. Pekerja: Melatih Sumber Manusia dan Memastikan Keselamatan .....	13
<b>Ketahanan Dalaman dan Standard Kelakuan Peribadi</b>	
11. Perlindungan dan Pengurusan Aset-Aset dan Maklumat Korporat .....	14
12. Pengasingan Jelas Hal-Hal Perniagaan dan Peribadi .....	15

## Mesej daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif

Dalam Kumpulan Ajinomoto, matlamat kita adalah “menyumbang kepada kesejahteraan semua manusia, masyarakat kita dan bumi kita dengan ‘AminoScience’.” Itulah sebabnya kita meneruskan inisiatif ASV (Ajinomoto Group Creating Shared Value) — suatu pendekatan kita yang unik dalam menyelesaikan isu-isu sosial menerusi kegiatan perniagaan kita, dan mempertingkatkan nilai ekonomi dengan mewujudkan nilai bersama dengan masyarakat dan komuniti tempatan.



Usaha meneruskan ASV memerlukan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkaitan, dan usaha sama ini hanya boleh dicapai sekiranya setiap seorang daripada kita dalam Kumpulan meningkatkan kesedaran sifat pematuhan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memperoleh kepercayaan masyarakat. Pupukan integriti — dengan setiap seorang pekerja yang memiliki pendekatan dan sikap yang menarik, bebas berfikir, membuat penilaian yang baik, dan bertindak dengan hati yang ikhlas — menggalakkan pengurusan ASV, dan asas integriti ini terletak pada Ajinomoto Group Policies (AGP). Setiap pekerja Kumpulan Ajinomoto, dipandu oleh prinsip-prinsip yang ditetapkan dalam AGP dan menggunakan penilaian masing-masing untuk bertindak dengan integriti — apa yang dirujuk sebagai “Think Well, Do Well” — mengukuhkan budaya organisasi dan mewujudkan nilai bersama Kumpulan Ajinomoto.

AGP menunjukkan kepercayaan dan tingkah laku syarikat dalam Kumpulan dan setiap seorang daripada kita yang bekerja di situ harus mendukung dan mengamalkannya dalam semua kegiatan dan memberikan komitmen bertulis kepada semua pihak yang berkaitan bahawa kita akan mendukung mereka. Matlamat kita adalah untuk menyumbang kepada kesejahteraan semua manusia, masyarakat kita dan bumi kita dengan cara memperoleh kepercayaan dengan mendukung AGP dalam semua kegiatan yang kita lakukan.

*Shigeo Nakamura*

Shigeo Nakamura  
Pengarah  
Wakil Pegawai Eksekutif,  
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Ajinomoto Co., Inc.

## Apakah Ajinomoto Group Policies (AGP)?

AGP menjelaskan kepercayaan dan tingkah laku yang mana semua syarikat Kumpulan Ajinomoto dan setiap seorang daripada kita yang bekerja di sana terikat dengannya. AGP berfungsi sebagai ikrar bertulis kepada semua pihak yang berkaitan bahawa kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendukung kepercayaan dan tingkah laku ini.

AGP mengandungi 12 Prinsip-prinsip Asas dan beberapa Dasar-dasar Kumpulan yang berkaitan dengannya.

AGP digubal oleh Lembaga Pengarah-pengarah Ajinomoto Co., Inc. pada 30hb Mei 2018, berdasarkan Kod Etika Kumpulan Ajinomoto yang ditubuhkan pada bulan April 2000, dan kemudiannya telah disemak dan diubah pada tahun 2009, 2014, dan 2017. AGP telah disemak dan diubah yang mana perlu sejak tarikh tersebut.

## Skop pelaksanaan

AGP digunakan kepada semua syarikat Kumpulan Ajinomoto dan para pegawai serta kakitangannya.

Ajinomoto juga menggalakkan para pembekal dan rakan perniagaan dalam rangkaian nilainya supaya mendukung semangat AGP dalam semua tindakan mereka.

## Tanggungjawab Korporat

- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto memastikan bahawa semua pegawai dan pekerja sudah biasa dengan AGP dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang dikenakan, dan juga AGP.
- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto tidak membenarkan para pegawai dan kakitangan mengabaikan AGP. Dan pada masa yang sama, Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto haruslah memastikan tidak ada mana-mana pegawai atau pekerja yang mengalami kesan buruk kerana mematuhi AGP.
- Pengurusan Tertinggi setiap syarikat Kumpulan Ajinomoto mengenalpasti peranan masing-masing dalam mematuhi AGP dan menunjukkan contoh pematuhan. Pengurusan tertinggi juga memastikan pematuhan dalam syarikatnya dan menubuhkan sistem dalaman yang berkesan yang menggabungkan pendapat dari dalam dan luar syarikatnya.
- Apabila berlaku pelanggaran AGP yang serius, seperti pencabulan undang-undang atau peraturan, pengurusan tertinggi mesti menyatakan pendirian mereka dengan jelas kepada pihak yang berkaitan dalam menyelesaikan isu tersebut dan mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi mengenalpasti puncanya dan mencegahnya daripada berulang lagi.

## Prinsip-prinsip Asas

### Asas Pentadbiran dan Amanah

#### 1. Penubuhan dan Pelaksanaan Pentadbiran yang baik

- 1.1 Kita mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dan juga bertindak selari dengan AGP sebagai kod etika kita sendiri.
- 1.2 Kita mengamalkan sistem pentadbiran yang mengagihkan tugas dan tanggungjawab yang sempurna dan kebertanggungjawapan yang telus di mana pengurusan Kumpulan secara adil, telus dan efisien untuk terus sentiasa meningkatkan nilai korporat.
- 1.3 Kita melaksanakan pengurusan risiko yang strategik dan pengurusan krisis terancang bagi memastikan kita sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia demi kepentingan politik, ekonomi dan sosial seperti keganasan, serangan siber, dan bencana alam semula jadi.
- 1.4 Kita melaporkan sekiranya kita menyedari sesuatu penipuan atau pencabulan undang-undang atau AGP di tempat kerja dan dalam perniagaan. Kita akan merujuk kepada pengurusan yang berkenaan dan menggunakan sistem memberitahu rahsia bagi mengengahkan kebimbangan dan masalah-masalah yang dialami.
- 1.5 Kita mengelak sepenuhnya sebarang penglibatan bersama angkatan bersenjata antisosial yang terancang, yang menjadi ugutan terhadap keselamatan dan ketenteraman sivik. Dan juga, kita tidak menyokong sepenuhnya terhadap angkatan bersenjata antisosial yang terancang dan menolak mana-mana dan semua permintaan yang tidak sesuai.

#### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pentadbiran
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pengurusan Risiko
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Perakaunan
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pencegahan Penipuan dan Penyalahgunaan
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemberitahuan Maklumat Rahsia

## Misi Sosial Korporat dan Peruntukan Nilai

### 2. Pendekatan terhadap Hak Asasi Manusia

- 2.1 Kita menjalankan kegiatan perniagaan berdasarkan kefahaman hak asasi manusia yang diiktirafkan di peringkat antarabangsa dan menghormati peraturan-peraturan kod etika antarabangsa berhubung dengan hak asasi manusia.
- 2.2 Kita berusaha bersama-sama dengan pelbagai pihak yang berkaitan dan melaksanakan hak asasi manusia dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa kita tidak mengambil bahagian atau bersubahat dalam pencabulan hak asasi manusia. Tambahan pula, sekiranya ia menjadi nyata bahawa kita telah menyebabkan atau menyumbang kepada kesan yang bertentangan terhadap hak asasi manusia, kita akan berusaha melaksanakan langkah-langkah pembedahan dan pembaikan dengan sewajarnya.
- 2.3 Kita menghormati undang-undang dan budaya setiap negara dan rantau di mana kita menjalankan perniagaan. Kita melarang diskriminasi dan gangguan yang berkali-kali terhadap sesiapa sahaja berdasarkan bangsa, kumpulan etnik, warganegara, agama, kepercayaan, tempat lahir, jantina, umur, ketidakupayaan, orientasi seksual, identiti jantina, atau mana-mana faktor yang lain.
- 2.4 Kita terikat dengan janji untuk membasmi buruh paksa dan buruh kanak-kanak dan memastikan persekitaran kerja yang selamat, sihat, dan selesa. Kita menghormati prinsip-prinsip fundamental di tempat kerja termasuk kebebasan berkesatuan, kebebasan mengurus dan merancang, dan hak terhadap tawar-menawar kolektif.

#### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Hak Asasi Manusia

### 3. Inisiatif terhadap Kesihatan dan Pemakanan

- 3.1 Kita menyumbang kepada pemakanan dan gaya hidup yang lebih sihat dengan memahami keperluan pelanggan dengan mendalam dan membekalkan produk yang seimbang, maklumat, dan perkhidmatan dengan harga yang berpatutan dan dalam bentuk yang mudah diperolehi.
- 3.2 Kita mempertingkatkan kesejahteraan hidup bukan sahaja dengan memastikan pemakanan yang sesuai, tetapi juga melalui rasa yang lazat, pilihan penokok diet yang pelbagai, makan bersama, penyelesaian penyediaan makanan dengan bijak, dan pertimbangan terhadap persekitaran sejagat.
- 3.3 Kita membekalkan produk pemakanan dan produk penjagaan kesihatan, maklumat, dan perkhidmatan yang menunjukkan keperluan kesihatan dalam lingkungan yang lebih luas — dari pencegahan hingga rawatan — membantu manusia terus hidup lebih lama, menikmati kehidupan yang lebih sihat.

#### Dasar Bersama Kumpulan dan Garis Panduan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemakanan
- Garis Panduan Strategi Pemakanan Kumpulan Ajinomoto
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Mudah Memperoleh Produk

#### 4. Memberi Sumbangan kepada Alam Sekitar dan Kemampanan Global

- 4.1 Dengan membekalkan produk dan perkhidmatan kita dan melalui kegiatan perniagaan yang lain, kita bekerjasama dengan masyarakat dan pelanggan untuk wujud bersama secara harmoni di bumi dan memupuk “masyarakat berorientasikan kitar semula” yang dapat bertahan lama, yang mengimbangkan pengeluaran dan penyerapan gas rumah hijau untuk membantu membina dunia pengeluaran bersih-kosong. Tambahan lagi, kita melaksanakan daya usaha positif-alam sekitar untuk mengelakkan atau mengurangkan kerugian dan/atau mengembalikan dan membangunkan semula, memelihara modal semula jadi dan kepelbagaian bio yang penting, yang mana merupakan asas yang amat diperlukan untuk kegiatan perniagaan kita.
- 4.2 Kita menggalakkan semua individu untuk menggunakan sumber-sumber dan tenaga dengan lebih cekap dan meneruskan cara hidup yang lebih bertanggungjawab terhadap persekitaran.

##### Dasar Bersama Kumpulan dan Garis Panduan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Persekitaran
- Garis Panduan Kepelbagaian Bio Kumpulan Ajinomoto
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kebajikan Haiwan

#### Tanggungjawab kepada pihak yang berkaitan

#### 5. Pelanggan: Menyediakan dan Membekalkan Perkhidmatan dan Produk yang Selamat dan Berkualiti Tinggi

- 5.1 Kita sentiasa berpegang pada matlamat mengutamakan pelanggan dan, melalui teknologi yang canggih serta melalui daya kreatif, membangunkan dan menyediakan perkhidmatan serta produk yang selamat dan berkualiti tinggi.
- 5.2 Kita membekalkan maklumat yang tepat dan berguna mengenai produk dan perkhidmatan dalam usaha kita untuk mendapatkan dan mengekalkan kepercayaan pelanggan, memenuhi harapan mereka, dan memastikan kepuasan mereka.
- 5.3 Kita memastikan semua pemasaran dan pengiklanan kita dijalankan secara interaktif bersama pelanggan kita dengan penuh bertanggungjawab, terutama apabila ditujukan kepada kanak-kanak.

##### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Mutu
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Keselamatan Makanan
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Komunikasi Pasaran
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Penerangan Bungkusan

## 6. Rakan Perniagaan: Perniagaan yang Adil dan Telus

- 6.1 Dalam semua perniagaan, kita sentiasa menjalankan perniagaan yang adil dan telus dan mengekalkan cara perniagaan yang adil, mengiktiraf rakan niaga yang berharga.
- 6.2 Kita mengambil langkah-langkah untuk memastikan pemahaman dan pematuhan yang mendalam pada anti-amanah dan undang-undang serta peraturan yang lain yang berkaitan dengan persaingan di setiap negara di mana kita menjalankan perniagaan. Kita tidak melibatkan diri dengan pakatan sulit bersama pesaing-pesaing untuk menetapkan harga atau jualan/ jumlah pengeluaran untuk mengehadkan persaingan (kartel), atau melakukan penipuan semasa membuat tawaran. Kita tidak menggunakan cara yang tidak adil bagi menghapuskan atau menyekat pesaing-pesaing dari memasuki pasaran.
- 6.3 Semasa memilih sub-kontraktor dan para pembekal, kita membuat keputusan dengan membandingkan secara adil dan menilai syarat-syarat seperti harga, kualiti dan perkhidmatan. Kita tidak melibatkan diri dalam tindakan yang menyebabkan sebarang kerugian kepada rakan niaga kita dengan menyalahgunakan kedudukan kita yang paling berpengaruh.
- 6.4 Kita melibatkan sub-kontraktor dan para pembekal dalam usaha memenuhi tanggungjawab sosial termasuk pemeliharaan persekitaran dan perlindungan terhadap hak asasi manusia, dan kita bekerja bersama para pembekal untuk menyumbang kepada pemerolehan yang bertanggungjawab dan ke arah kemampunan masyarakat di sepanjang seluruh rangkaian pembekalan.
- 6.5 Dalam berurusan dengan pelanggan dan rakan niaga kita, kita bertindak dengan membuat penilaian yang baik dan tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang tidak wajar seperti menawarkan hadiah yang tidak sepatutnya, hiburan, wang atau sebarang bentuk ganjaran lain.

### Dasar Bersama Kumpulan dan Garis Panduan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemerolehan
- Garis Panduan Pemerolehan Kertas Kumpulan Ajinomoto
- Garis Panduan Pemerolehan Minyak Kelapa Sawit Kumpulan Ajinomoto
- Garis Panduan Pemerolehan Kopi Kumpulan Ajinomoto
- Garis Panduan Pemerolehan Kacang Soya Kumpulan Ajinomoto
- Garis Panduan Pemerolehan Tebu Kumpulan Ajinomoto
- Garis Panduan Pemerolehan Daging Lembu Kumpulan Ajinomoto
- Dasar Bersama Kumpulan untuk Para Pembekal
- Garis Panduan Dasar Bersama Kumpulan untuk Para Pembekal

## 7. Pelabur dan Pemegang Amanah Saham: Amanah dan Tanggungjawab

- 7.1 Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk menggunakan cara pengurusan yang baik bagi memberi pulangan yang berpadanan kepada pihak pemegang saham, dan untuk mencapai peningkatan yang berterusan dalam nilai korporat.
- 7.2 Kita mendedahkan maklumat dengan cara yang sesuai dan pada masa yang betul kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dan kita bertindak secara adil dan jujur terhadap harapan dan kepercayaan yang diletakkan kepada kita.
- 7.3 Kita membina hubungan kepercayaan dan mempromosi kerjasama dengan penglibatan dalam dialog dua hala yang dijalankan bersama semua pihak yang berkaitan, yang berbeza-beza.
- 7.4 Kita mengekalkan dan melaksanakan rangka pengawalan dalaman yang sesuai bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan maklumat kewangan yang didedahkan kepada pihak yang berkepentingan.
- 7.5 Kita tidak melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang menyalahi undang-undang seperti perdagangan orang dalaman, termasuk berdagang dengan saham atau lain corak landasan pelaburan menggunakan maklumat yang bukan awam untuk syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto dan/atau rakan-rakan perniagaan.
- 7.6 Kita memenuhi tanggungjawab sosial dengan mematuhi undang-undang percukaian dan membayar cukai yang sewajarnya di setiap negara di mana kita beroperasi, sementara berusaha menguruskan risiko cukai dengan sewajarnya.

### Dasar Bersama Kumpulan dan Garis Panduan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Cukai Global
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Perkongsian Maklumat dengan Pihak yang Berkepentingan
- Garis Panduan Pencegahan Perdagangan Orang Dalam

## 8. Masyarakat Tempatan: Bekerja dengan Masyarakat

- 8.1 Kita berusaha bersungguh-sungguh untuk membuat sumbangan sosial yang positif bagi membina masyarakat yang sihat sejahtera di mana kita menjalankan perniagaan yang meluas ke seluruh masyarakat. Kita menumpukan usaha pada pembangunan ekonomi, budaya dan pendidikan setiap masyarakat di mana kita menjalankan perniagaan.
- 8.2 Sekiranya Syarikat menghulurkan derma kepada mana-mana pertubuhan, kita mengenalpasti tujuan dan kepentingan sosial dengan jelas, membuat semua keputusan sejajar dengan peraturan dalaman, mengikut semua langkah yang diperlukan, dan memastikan pematuhan dengan undang-undang yang dikenakan dan ketelusan.
- 8.3 Sebagai anggota masyarakat tempatan, kita digalakkan sebagai individu untuk menyertai kegiatan-kegiatan yang menyumbangkan kepada sosial.
- 8.4 Kita mengakui bahawa setiap orang dari kalangan kita sebagai pekerja Kumpulan adalah mewakili Kumpulan Ajinomoto setiap kali kita berinteraksi dengan orang ramai, dan oleh yang demikian, tindakan kita adalah sentiasa dikawal oleh kesedaran kita tentang etika sosial sepanjang masa.

### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Penambahan Masyarakat Tempatan

## 9. Ahli Politik dan Kerajaan: Hubungan yang Nyata

- 9.1 Kita melibatkan diri dalam kegiatan politik hanya sebagai seorang individu mewakili diri sendiri, kita berbuat sedemikian hanya di luar masa bekerja dan di luar syarikat demi untuk mengelak sebarang salah faham bahawa kegiatan seumpama itu mewakili kedudukan Syarikat.
- 9.2 Kita tidak memberi hadiah, hiburan, wang atau ganjaran lain berunsur rasuah kepada pegawai-pegawai awam tempatan atau di luar negara atau orang yang sama taraf dengan mereka, tidak kira dengan cara apa pun. Kita mengekalkan hubungan yang biasa dan baik dengan kerajaan dan para pegawai.
- 9.3 Sekiranya Syarikat menyertai kegiatan politik atau berinteraksi dengan badan tadbir atau badan awam menerusi kegiatan melobi atau kegiatan yang lain, kita mengenalpasti dengan jelas matlamat, keperluan, kesesuaian, dan kepentingan sosial, mengambil semua tindakan sewajarnya dengan peraturan dalaman untuk memutuskan sama ada diteruskan, mengikuti semua prosedur yang diperlukan, dan memastikan pematuhan dengan undang-undang yang dikenakan dan ketelusan.

### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pencegahan Rasuah
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kegiatan-Kegiatan Politik dan Sumbangan-Sumbangan Politik
- Dasar Bersama Kumpulan terhadap Kegiatan Melobi

## 10. Pekerja: Melatih Sumber Manusia dan Memastikan Keselamatan

- 10.1 Kita membekalkan peluang-peluang pekerjaan yang sama di persekitaran tempat kerja yang menghormati hak asasi manusia setiap individu dan membenarkan para pekerja kita membina dan menggunakan kemahiran, kebolehan, pengalaman, dan memaksimumkan motivasi mereka dengan cara menghormati perbezaan, sifat peribadi dan identiti tersendiri.
- 10.2 Kita mengambil perspektif sejagat terhadap kerja kita, menunjukkan kerja berpasukan, mengamalkan kreativiti, dan menghargai semangat perintis, dan menyumbang kepada kemajuan Kumpulan Ajinomoto.
- 10.3 Kita menyokong usaha pekerja-pekerja untuk menikmati kehidupan yang memuaskan dan menyumbang kepada kebahagiaan masyarakat melalui pengembangan Kumpulan Ajinomoto yang berterusan. Sehingga kini, kita sentiasa memperbaiki diri kita menerusi program-program dan inisiatif-inisiatif baharu.
- 10.4 Kita berazam untuk memiliki suasana tempat kerja yang dapat mempertingkatkan kepuasan bekerja dan mempromosikan produktiviti yang tinggi.
- 10.5 Kita membina dan mengekalkan tempat kerja yang positif, berasaskan komunikasi terbuka, yang bebas daripada segala diskriminasi dan gangguan, di mana semua orang menghormati maruah antara satu sama lain.
- 10.6 Kita percaya bahawa asas pertumbuhan Kumpulan Ajinomoto yang berterusan terletak pada kesejahteraan mental dan fizikal pekerja kita. Kita bekerja bersama pegawai dan pekerja kita untuk mengekalkan dan memperbaiki kesihatan pasukan kita.
- 10.7 Kita bertindak berdasarkan prinsip bahawa "Kita mesti memberi keutamaan pada kesihatan yang melindungi kehidupan" dan terus memperbaiki keselamatan pekerjaan dan kesihatan menerusi penglibatan semua pegawai dan kakitangan untuk memastikan keselamatan kesemua kakitangan yang bekerja untuk Kumpulan.

### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Sumber-sumber Manusia
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan

## Ketahanan Dalam dan Standard Kelakuan Peribadi

### 11. Perlindungan dan Pengurusan Aset-Aset dan Maklumat Korporat

- 11.1 Kita dengan tegasnya melindungi dan mengurus aset syarikat yang ketara dan yang tidak ketara, termasuk data Syarikat, rahsia dagangan dan harta intelektual (termasuk jenama).
- 11.2 Kita mengenalpasti betapa pentingnya untuk memelihara privasi dan maklumat peribadi dan memperoleh, menggunakan serta memberikan maklumat peribadi hanya dengan cara sewajarnya. Kita menguruskan semua maklumat kakitangan dengan tegas untuk mencegah kebocoran kepada pihak luaran, kerugian, atau kerosakan, dan kita menghormati privasi semua pihak yang berkaitan.
- 11.3 Kita mempengaruhi hak-hak harta intelektual kita untuk membina produk dan perkhidmatan yang bermutu tinggi, mempertingkatkan nilainya lagi, dan menyumbang kepada pembangunan masyarakat.
- 11.4 Kita menghormati hak harta intelektual pihak ketiga yang sah.
- 11.5 Kita menganggap keselamatan maklumat sebagai satu keutamaan genting di dalam kegiatan korporat kita dan berusaha bersungguh-sungguh untuk melindungi maklumat dari semua ancaman dan ugutan, termasuk serangan dari luar.

#### Dasar-dasar Bersama Kumpulan

- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Keselamatan Maklumat
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Privasi
- Dasar Bersama Kumpulan mengenai Harta Intelektual

### 12. Pengasingan Jelas Hal-Hal Perniagaan dan Peribadi

- 12.1 Kita mengambil langkah-langkah memastikan bahawa kepentingan pekerja, termasuk keluarga mereka, dan kepentingan syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto tidak bercanggah.
- 12.2 Kita tidak mengambil atau mendedahkan aset atau maklumat Syarikat di luar Syarikat tanpa mendapat kebenaran. Kita menggunakan aset atau maklumat tersebut hanya untuk tujuan perniagaan dan bukan bertujuan memburu keuntungan peribadi.
- 12.3 Kita tidak membenarkan memiliki sebarang keuntungan peribadi menerusi kerja-kerja Syarikat, seperti mengguna dana Syarikat untuk tujuan peribadi, atau sebarang tindakan yang boleh menimbulkan syak wasangka seumpama itu, tidak kira berapa jumlahnya.
- 12.4 Kita sedar dan faham bahawa hubungan perniagaan yang dibina oleh kakitangan syarikat adalah hak milik syarikat walaupun selepas persaraan para pekerja.
- 12.5 Kita membezakan dengan jelas antara kedudukan awam korporat dan kedudukan peribadi individu berhubung dengan maklumat media sosial. Kita sedar akan peranan dan tanggungjawab kita sebagai ahli Kumpulan Ajinomoto, walaupun ketika memuatnaikkan maklumat sebagai seorang individu, dan tidak bertindak melakukan sesuatu yang boleh merosakkan Kumpulan Ajinomoto, reputasinya, atau mana-mana asetnya yang lain.

## Talian penting

- Syarikat-syarikat Kumpulan Ajinomoto telah menyediakan kaedah bagi pekerja membuat laporan pelanggaran dan masalah sejajar dengan "Dasar Bersama Kumpulan mengenai Pemberitahuan Maklumat Rahsia," yang dinyatakan dalam Bab 1.
- Maklumat peribadi akan dilindungi, dan privasi akan dihormati. Tidak ada pemberitahu maklumat rahsia yang akan diperlakukan dengan buruk hanya kerana telah membuat laporan.
- Sebagai tambahan pada hotline yang telah ditubuhkan di syarikat masing-masing, laporan juga boleh dibuat menerusi saluran di bawah.

### Talian penting Kumpulan Ajinomoto

WEB: <https://ml.helpline.jp/g-hotline/>

ID: hotline PW: ajinomoto

\* Mudah dihubungi 24 jam sehari, 365 hari setahun, dalam 22 bahasa

\* Sekiranya laporan tersebut secara langsung melibatkan seorang pengarah atau pegawai, sila pilih Talian penting Jawatankuasa Audit.



**Ajinomoto Co., Inc.**

15-1, Kyobashi 1-chome, Chuo-ku,

Tokyo 104-8315 Japan

Tel: +81 (3) 5250-8111

URL: <http://www.ajinomoto.com/en/>

**Eat Well, Live Well.**

**Aj**

**AJINOMOTO.**

Dibuat pada 1hb Julai 2018  
Edisi kedua, 1hb Julai 2021  
Edisi ketiga, 1hb Julai 2023  
Edisi keempat, 1hb April 2026